

Nota Penyelidikan / Research Note

Perkembangan Kecerdasan Emosi Kanak-kanak Prasekolah Bermasalah Pendengaran: Implikasinya Terhadap Penglibatan Ibu Bapa

The Emotional Intelligence Development of Pre-Schoolers with Hearing Difficulties: Implications on Parental Involvement

SHAHIDA HASSIM, CHUA CHU TEE, ROSADAH ABDUL MAJID, ZALIZAN MOHD JELAS & HAMIZATUN AKMAL MD YUSOF

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau kecerdasan emosi kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran. Kecerdasan emosi kanak-kanak diukur dari aspek (1) mengenali emosi sendiri, (2) mengurus emosi, (3) memotivasi diri, (4) mengenali emosi orang lain, dan (5) menjalin hubungan sosial. Kajian ini berbentuk kajian kes, dan data dikumpul menggunakan borang soal selidik guru, borang pemerhatian kanak-kanak, temu bual bersama ibu bapa/penjaga, dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran mengalami kesukaran dalam konstruk hubungan sosial dan mengurus emosi sendiri. Pengkaji mendapati deficit dalam mengurus emosi dan hubungan sosial berkenaan adalah dipengaruhi oleh pengabaian ibu bapa/penjaga dalam aspek pembangunan emosi terhadap kanak-kanak bermasalah pendengaran. Berdasarkan dapatan kajian, penulisan artikel ini tertumpu kepada penglibatan ibu bapa/penjaga terhadap perkembangan emosi kanak-kanak.

Kata kunci: Kecerdasan emosi, perkembangan sosio-emosi, penglibatan ibu bapa, intervensi awal, kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran.

ABSTRACT

The purpose of this study was to explore the emotional intelligence of preschool children with hearing impairments. The children's emotional intelligence was measured in terms of their ability (1) to recognize their own emotions, (2) to manage emotions, (3) to motivate themselves, (4) to recognize the emotions of others, and (5) to establish social relationships. Data were collected using teacher questionnaires, child observation forms, interviews with parents/guardians, and documents analysis. The findings revealed that preschool children with hearing impairments have difficulty in constructing social relationships and managing their own emotions. These deficits were exacerbated by the neglect of parents/guardians. The findings reiterated the vital and crucial role and involvement of parents/guardians in deaf children's emotional development.

Keywords: Early intervention, emotional quotient, parents involvement, preschool children with hearing impairment, socio-emotional development

PENGENALAN

Pendidikan prasekolah merupakan pendedahan awal yang penting dalam dunia persekolahan kepada semua individu kanak-kanak. Kurikulum Pendidikan Prasekolah Kebangsaan telah memfokuskan pendidikan awal kanak-kanak merangkumi perkembangan bahasa dan komunikasi, perkembangan kognitif, kerohanian dan moral, sosio-emosi, fizikal, kreativiti dan estetika (Malaysia 2006). Kesemua domain ini menunjukkan keutamaan kerajaan Malaysia menyediakan pembangunan diri yang komprehensif dalam kalangan kanak-kanak di peringkat prasekolah sebelum memasuki alam

persekolahan sebenar. Menurut Maxwell, Bryant, Ridley dan Keyes-Elstein (2001), kanak-kanak mempunyai lima domain kesediaan sekolah iaitu perkembangan kesihatan dan fizikal, perkembangan sosioemosi, pendekatan pembelajaran, bahasa dan kebolehan komunikasi, kognitif, dan pengetahuan am.

Perkembangan sosioemosi adalah salah satu domain perkembangan yang sangat penting kepada kanak-kanak tanpa mengira ketidakupayaan. Menurut Goleman (1999) kecerdasan emosi adalah prasyarat untuk keberkesanan kecerdasan intelek. Ini bermakna, kecerdasan Intelek tidak dapat berfungsi dengan baik sekiranya bahagian otak rosak akibat kecacatan emosi. Goleman (1999)

mengaitkan kawalan emosi sebagai *master aptitude* dan mencadangkan kebolehan mengawal emosi adalah sesuatu yang kritikal bagi membolehkan proses kognitif berlaku. Manakala, Mohd Azhar Abd Hamid (2005) mengaitkan unsur-unsur yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dengan kemahiran sosial kanak-kanak. Emosi yang stabil menjadikan pelajar lebih berkeyakinan dalam perhubungan dan interaksi sosial. Hasil daripada interaksi sosial yang stabil, potensi kanak-kanak akan lebih terserlah dalam kepimpinan, pencapaian dalam kumpulan, pencapaian individu, perhubungan sosial, dan pengurusan. Justeru, kanak-kanak memerlukan perkembangan emosi yang sihat sebagai persediaan untuk belajar (Barbarin 2002 & Klein 2002) kerana perkembangan emosi dan sosial mengiringi perkembangan kognitif kanak-kanak (Boyd, Barnett, Bondrova, Leong & Gomby 2005) serta menjadi alat ukur kepada kejayaan individu kanak-kanak (Mohd Azhar Abd Hamid 2005).

KECERDASAN EMOSI

Menurut Goleman (1999), kecerdasan emosi adalah kebolehan individu menyedari, mengenal pasti, dan mengurus emosinya sendiri serta mampu menjalin hubungan mesra dengan orang lain serta memiliki motivasi sendiri yang tinggi. Pandangan ini selari dengan pendapat Mayer, Caruso & Salovey (1999), kecerdasan emosi adalah kemampuan individu mengenal pasti makna-makna emosi dan perkaitannya dengan perkara-perkara lain, serta kebolehan menaakul dan menyelesaikan masalah. Noriah, Syed Najmuddin dan Syafrimen (2004), telah menambah unsur kerohanian dan kematangan di dalam domain kecerdasan emosi Goleman (1999). Noriah et al. (2004) mendapati kedua-dua unsure tersebut perlu ada di dalam pembangunan emosi individu kerana faktor budaya dan tempat. Kesimpulannya, seseorang yang mempunyai kecerdasan emosi adalah individu yang boleh mengurus dirinya dalam persekitaran supaya dapat berinteraksi dengan baik dan munasabah.

DIMENSI KECERDASAN EMOSI

Goleman (1999), membahagikan kecerdasan emosi kepada dua kecekapan iaitu, kecekapan peribadi dan kecekapan sosial. Kedua-dua kecekapan ini membenarkan seseorang mengawal diri sendiri dan berinteraksi dengan baik di dalam masyarakat. Beliau telah menentukan lima domain kecerdasan emosi yang merangkumi 1) kesedaran sendiri; domain asas sebelum kewujudan domain-domain lain, 2) regulasi sendiri; menentukan bentuk respons atau tindak balas yang dizahirkan oleh seseorang, 3) motivasi sendiri; pendorong seseorang untuk mencapai matlamat, 4) empati; kebolehan seseorang memahami emosi orang lain, dan 5) kemahiran

sosial; kemampuan seseorang berinteraksi dengan orang lain. Kelima-lima domain ini adalah saling berkaitan dan saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Tanpa satu kecekapan emosi, seseorang individu akan mengalami masalah untuk mencapai matlamat dan keberhasilan di dalam hidupnya. Pernyataan sedemikian adalah interpretasi daripada justifikasi Goleman (1999) terhadap penyebab kegagalan dan keberhasilan seseorang dalam kehidupan peribadi dan profesion individu.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau kecerdasan emosi kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran. Secara lebih khusus kajian ini mempunyai objektif berikut;

1. Meninjau tahap kecerdasan emosi kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran.
2. Meninjau domain kecerdasan emosi yang dikuasai dan tidak dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran.
3. Mengetahui pasti peranan penjaga terhadap kecerdasan emosi kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini melibatkan soal selidik dan 12 kali sesi pemerhatian terhadap empat orang kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran, dan temu bual terhadap tujuh orang individu dewasa yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang kanak-kanak yang menjadi sampel dalam kajian ini. Kecerdasan emosi kanak-kanak diukur berdasarkan lima domain iaitu, (1) mengenali emosi sendiri, (2) mengurus emosi, (3) memotivasi diri, (4) mengenali emosi orang lain, dan (5) menjalin hubungan sosial. Manakala, temu bual telah dijalankan bersama ibu bapa, penjaga, guru, dan pembantu guru telah dijalankan untuk melengkapkan maklumat yang tidak dapat diperolehi daripada pemerhatian dan soal selidik. Di samping itu juga, pengkaji telah melakukan analisis dokumen iaitu; laporan kajian tindakan, Kurikulum Prasekolah Pendidikan Khas, Rekod Pengajaran Guru, buku tulis serta dokumen peribadi kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran.

Hasil kajian ini dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk memberi gambaran tentang tahap kecerdasan emosi, domain kecerdasan emosi yang dikuasai dan tidak dikuasai, dan peranan ibu bapa/ penjaga terhadap pembangunan emosi kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran. Selain itu, data juga dianalisis melalui tiga peringkat pemrosesan, iaitu, mereduksi data, memaparkan data (koding), dan membuat kesimpulan serta verifikasi kod.

HASIL KAJIAN

KECERDASAN EMOSI KANAK-KANAK PRASEKOLAH BERMASALAH PENDENGARAN

Maklumat yang diperolehi daripada soal selidik dan pemerhatian menunjukkan kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran memiliki motivasi yang tinggi, sangat mengenal emosi sendiri dan emosi orang lain. Secara lebih terperinci, dari aspek motivasi diri peserta kajian mempunyai keyakinan diri, dapat mengawal emosi takut dengan baik, dan boleh berdikari. Manakala, di dalam domain mengenal emosi sendiri dan orang lain peserta kajian berupaya menunjukkan emosi gembira, dan simpati terhadap orang lain.

Walaupun bagaimanapun, mereka amat lemah dalam konstruk mengurus emosi sendiri dan menjalin hubungan sosial. Dalam konteks hubungan sosial, peserta kajian didapati sukar mematuhi arahan, kurang bertoleransi dalam aktiviti permainan, mengganggu rakan, kurang memahami peraturan kelas, dan berebut dalam giliran dan barang permainan. Dari aspek pengurusan emosi, kanak-kanak ini sering menunjukkan emosi negatif seperti, suka menjerit, marah apabila diganggu, dan mengamuk apabila keinginan mereka tidak dipenuhi.

Tegasnya, kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran tidak berkebolehan dalam mengurus pelbagai emosi secara efektif semasa berhadapan dan berhubungan dengan orang lain. Mereka juga tidak mampu mentafsirkan situasi sosial yang berlaku di sekelilingnya.

PERANAN IBU BAPA/PENJAGA DALAM PERKEMBANGAN EMOSI KANAK-KANAK PRASEKOLAH BERMASALAH PENDENGARAN

Hasil kajian mendapati ibu bapa/penjaga kurang menitikberatkan perkembangan emosi kanak-kanak bermasalah pendengaran. Ibu bapa/penjaga kurang memberi didikan membantu anak mengendalikan emosi negatif, tatacara berhubungan sosial, dan menunjukkan rasa simpati dan empati terhadap orang lain. Pengkaji mendapati, masalah mendidik anak dalam kalangan ibu bapa/penjaga adalah berpunca daripada masalah komunikasi, tidak menguasai bahasa isyarat, dan kurang pengetahuan tentang cara mendidik perkembangan emosi dan sosial kanak-kanak. Sebagai contoh, seorang penjaga PK3, selalu membiarkan PK3 mengamuk tanpa usaha meredakan kemarahan PK3. Selain itu, penjaga juga tidak menggunakan pendekatan menghukum, memberi amaran, merotan, dan memberi ganjaran.

Oleh yang demikian, kanak-kanak bermasalah pendengaran tidak menerima pengajaran mahupun contoh yang boleh dipelajari daripada orang dewasa cara menangani emosi negatif dan supaya bertingkah laku sesuai dengan keadaan tertentu.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian ini, perkembangan emosi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran kurang berkembang dengan baik. Walaupun tiga domain perkembangan emosi berkembang baik dalam diri peserta kajian, tetapi kekurangan dua domain emosi yang dialami boleh mencacatkan pembangunan sahsiah diri mereka secara keseluruhan. Hasil kajian juga mendapati ibu bapa dan penjaga tidak memainkan peranan mereka dalam membangunkan kecerdasan emosi anak-anak bermasalah pendengaran. Ibu bapa dan penjaga kurang menyedari kepentingan membangunkan emosi yang sihat kepada anak-anak dan mengabaikan peranan mereka kerana masalah bahasa dan komunikasi. Justeru, perbincangan artikel ini akan menumpukan kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan dan pembangunan sosio emosi kanak-kanak secara umum.

PENGLIBATAN IBU BAPA

Semasa zaman kanak-kanak, ibu bapa adalah individu yang berperanan utama dalam menguruskan persekitaran pembelajaran di rumah. Menurut Ireson (2008), ibu bapa harus terlibat dengan sebaiknya dalam pembangunan fizikal, kognitif, sosial dan emosi kanak-kanak. Ini kerana pada peringkat kanak-kanak mula memasuki alam persekolahan, mereka seharusnya sedia dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran yang relevan dan mengagumkan.

Penglibatan ibu bapa adalah didasari oleh skop tingkah laku yang dianggap sebagai ekspresi ibu bapa untuk terlibat (Epstein 1992; 2001 dan Hoover-Dempsey & Sandler 1997). Konsep tingkah laku penglibatan ibu bapa yang diasaskan oleh Epstein (1992; 2001) adalah penglibatan berasaskan rumah, sekolah, dan masyarakat. Dimensi penglibatan ibu bapa ini kemudiannya di pecahkan kepada beberapa jenis penglibatan yang merangkumi 1) kewajiban ibu bapa, 2) komunikasi, 3) aktiviti sukarela di sekolah, 4) penglibatan dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah, 5) pembuat keputusan, dan 6) kolaborasi dengan masyarakat.

Manakala, Hoover-Dempsey & Sandler (1997), menginterpretasikan tingkahlaku penglibatan ibu bapa sebagai satu proses. Proses penglibatan ibu bapa adalah didasari oleh persoalan kenapa ibu bapa mahu terlibat dalam pendidikan anak, bagaimana ibu bapa memilih jenis penglibatan, dan bagaimana penglibatan ibu bapa mempengaruhi hasil anak dalam pendidikannya. Selain itu, Wissbrun & Eckart (1992) telah membahagikan proses penglibatan ibu bapa kepada empat hierarki, iaitu ibu bapa sebagai pemerhati, penyokong, peserta, dan pembuat keputusan.

Terdapat dua bentuk tingkah laku penglibatan ibu bapa (Epstein 1992; 2001; Hoover-Dempsey & Sandler 1997; 2005) iaitu, penglibatan berasaskan rumah, dan

penglibatan berasaskan sekolah. Tinjauan literatur mendedahkan aktiviti yang biasa dilakukan oleh ibu bapa di rumah sebagai peserta dan penyokong adalah seperti memberi khidmat terapi, mengajar anak kemahiran asas (Masitah 2009), membantu anak membuat kerja sekolah, memberi nasihat tentang perancangan kerjaya, berbual dan bermain (Masitah, Zalizan & Manisah 2009; Tamis-Le Monda, Bornstein & Baumwell 2001 dan Yen 2010), dan menyertai program intervensi ibu bapa dan anak (Delaney & Kaiser 2001; Lien-Thorne & Kamps 2005; McFarlane, Dodge, Burrell, Crowne, Cheng & Duggan 2010; Beard & Sugai 2004). Manakala, penglibatan ibu bapa berasaskan sekolah adalah seperti menghadiri mesyuarat dan majlis sekolah, menyertai organisasi ibu bapa dan guru, atau berperanan sebagai pembuat keputusan (Shumow & Miller 2001).

PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM INTERVENSI AWAL

Tinjauan literatur menunjukkan kajian berkenaan penghasilan tingkah laku oleh kanak-kanak yang mengalami masalah sosial dan emosi telah banyak dilakukan. Kajian-kajian tertumpu kepada cara untuk mencegah dan memulihkan tingkah laku yang tidak sesuai seperti tingkah laku mengganggu rakan, mengasingkan diri, kurang bercakap, tidak patuh arahan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah menerusi pendekatan intervensi awal yang melibatkan guru, guru dan ibu bapa (Delaney & Kaiser 2001; Lien-Thorne & Kamps 2005; Beard & Sugai 2004). Kajian-kajian ini mendedahkan strategi peneguhan positif yang diamalkan secara kolaboratif oleh guru di bilik darjah dan ibu bapa di rumah mampu mengubah tingkah laku tidak sesuai kanak-kanak. Selain itu, pendekatan intervensi awal berhasil meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam membangunkan potensi dan hasil anak, seterusnya meningkatkan kemahiran keibubapaan ibu bapa.

CARA PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM INTERVENSI AWAL

Penyertaan ibu bapa dalam intervensi awal adalah penglibatan berasaskan rumah dan bertindak sebagai peserta dan penyokong. Di rumah, ibu bapa berperanan memberi peneguhan positif terhadap tingkah laku anak di sekolah, iaitu apabila anak memenuhi kriteria di bilik darjah ibu bapa akan memberi pujian sebagai peneguhan. Ada beberapa cara peneguhan positif yang diamalkan oleh ibu bapa dalam intervensi awal iaitu:

1. Memberi pujian; ibu bapa memberi ayat-ayat positif kepada kanak-kanak yang berjaya memenuhi kriteria di bilik darjah.
2. Memberi ganjaran; ibu bapa memberi ganjaran apabila kanak-kanak berhasil mencapai kriteria yang diperlukan di bilik darjah.
3. Bermain bersama; semasa intervensi, ibu bapa

dibekalkan satu set permainan pada setiap minggu. Permainan berlaku selama 5 minit, dan masa tersebut digunakan sebaiknya oleh ibu bapa. Rasionalnya, bermain bersama dengan anak-anak dapat membangunkan bahasa dan komunikasi anak, meningkatkan tingkah laku sosial anak, serta meningkatkan kadar interaksi antara ibu bapa dengan anak.

4. Memberi respons (bersikap responsif); ibu bapa memberi respons secara lisan apabila kanak-kanak menonjolkan tingkah laku. Respons daripada ibu bapa adalah respons yang memberi makna kepada kanak-kanak, kerana respons yang bermakna berupaya menggalakkan komunikasi anak, dan menyediakan anak konteks bahasa. Amalan memberi respons ditandai dengan jenis tingkah laku yang ditonjolkan oleh anak;
 - i. Meningkatkan respons apabila positif apabila kanak-kanak menunjukkan tingkah laku mematuhi arahan/peraturan/disiplin.
 - ii. Meningkatkan respons pembetulan (pembaikan) apabila kanak-kanak menunjukkan tingkah laku melanggar peraturan/arahan/disiplin.
5. Model; Tingkah laku sama ada secara lisan atau bukan lisan atau bahasa badan oleh ibu bapa memberi model pengajaran kepada kanak-kanak. Model daripada ibu bapa mempengaruhi bentuk interaksi antara ibu bapa dengan anak, dan interaksi antara anak dengan persekitarannya.

HASIL YANG DIPEROLEH DARIPADA INTERVENSI AWAL

Perubahan dalam tingkah laku anak; tingkah laku kanak-kanak yang tidak sesuai sebelum intervensi, seperti mengganggu rakan, tidak mematuhi arahan, mengasingkan diri, menjadi semakin berkurang selepas intervensi. Semasa intervensi tingkah laku mengganggu berkurang selama 5 hingga 15 minit pada setiap sesi. Selain itu, intervensi awal juga memberi kesan kepada masa penyertaan kanak-kanak dalam akademik, iaitu penyertaan mereka meningkat sebanyak 90%.

Perubahan dalam bahasa dan komunikasi kanak-kanak; apabila ibu bapa lebih banyak memberi respons yang bermakna terhadap ucapan kanak-kanak, kanak-kanak akan memberi komen yang lebih spontan dan lebih banyak mengambil bahagian atau giliran semasa berbual walaupun tiada *prompt* daripada ibu bapa. Respons, ganjaran, pujian daripada ibu bapa berhasil meningkatkan kekerapan interaksi anak dengan ibu bapa.

Penglibatan ibu bapa; program intervensi mampu membantu ibu bapa terlibat dalam pembangunan diri anak, dan membantu mereka untuk mengajar kanak-kanak mengamalkan tingkah laku sesuai. Intervensi mendedahkan ibu bapa ilmu tentang cara meneguhkan tingkah laku dan mengurangkan penggunaan hukuman dan kebencian di rumah.

PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM AKTIVITI PERMAINAN KANAK-KANAK

Pembangunan menerusi permainan adalah satu bentuk pendekatan yang biasa dalam pendidikan awal kanak-kanak. Bermain bukan sahaja memberikan keseronokan, malahan menyediakan kanak-kanak kemahiran, pengetahuan serta mampu meningkatkan potensi kanak-kanak dalam perkembangan diri. Kanak-kanak bermain dengan pelbagai alatan permainan. Salah satu alatan permainan yang biasa bagi kanak-kanak adalah blok-blok permainan. Yen (2010) telah mengelompokkan permainan blok kepada tiga domain perkembangan, iaitu domain perkembangan kognitif, sosioemosi, dan psikomotor. Permainan blok menekankan proses dan produk terhadap ketiga-tiga domain perkembangan tersebut.

CARA PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PERMAINAN BLOK

Sebagaimana penglibatan ibu bapa dalam intervensi awal, penyertaan mereka dalam permainan juga adalah berasaskan rumah dan bertindak sebagai peserta dan penyokong. Penyertaan ibu bapa dalam permainan blok bertujuan meningkatkan interaksi anak dengan ibu bapa dan membantu anak meningkatkan potensinya. Model yang digunakan adalah model reciprocal interaksi ibu bapa – anak (Yen 2010). Dalam permainan blok, ibu bapa berperanan sebagai pemerhati, pendengar dan penyokong, serta memperbanyakkan perbualan dan memahami anak secara lebih mendalam (empati). Berikut adalah strategi yang digunakan ibu bapa untuk meningkatkan interaksi dalam permainan:

1. **Memerhati tingkah laku/aktiviti anak:** ibu bapa memerhati kiu-kiu yang ditunjukkan oleh kanak-kanak menerusi ekspresi muka, gerak badan, dan emosi. Pemerhatian tingkah laku kanak-kanak membantu ibu bapa mengetahui keperluan anak semasa bermain seperti, marah, putus asa, stres, gembira, dan sebagainya. Semasa melakukan pemantauan, ibu bapa menyokong dan membimbing kanak-kanak apabila kanak-kanak mengalami tekanan, tetapi bukan membantu mereka membina blok. Pemantauan daripada ibu bapa menunjukkan kepada kanak-kanak keprihatinan dan minat ibu bapa terhadap aktiviti anak.
2. **Mendengar dan menyokong:** dengar dan sokong kanak-kanak adalah, waktu ibu bapa menyoal dan mendengar respons anak. Apabila kanak-kanak memberi respon memberi mereka peluang untuk melahirkan pendapat dan perasaan. Respons daripada kanak-kanak penting untuk menjamin hubungan dan interaksi yang sihat antara ibu bapa dengan anak. Manakala, respons ibu bapa pula perlu mendengar dan bercakap dengan penilaian yang adil dan bersikap terbuka.
3. **Bercakap dan meluaskan perbualan:** semasa permainan berlangsung, perbualan berlaku secara

semula jadi dan spontan. Ibu bapa menggunakan soalan-soalan terbuka untuk memanjangkan perbualan dan menggalakkan anak lebih banyak bercakap dan mengeluarkan idea. Strategi ini bukan sahaja mampu membina estimasi kanak-kanak, malahan membina keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap ibu bapa.

4. **Memahami dan empati:** semasa bermain kanak-kanak bukan sahaja berasa seronok, tetapi juga mengalami tekanan. Ibu bapa perlu menunjukkan rasa empati kepada kanak-kanak dengan melahirkan ayat-ayat pendek dan positif seperti “ibu dapat lihat sayang kepenatan”. Ayat-ayat positif dan empati seperti ini mampu mendidik anak cara mengenal pasti emosi mereka sendiri.

HASIL DARIPADA PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PERMAINAN BLOK

Membina kemahiran kanak-kanak dalam domain perkembangan kognitif, sosioemosi, dan psikomotor: selain dapat mengaktifkan pergerakan dan memanipulasi fizikal, bermain memberikan peluang kepada kanak-kanak membina pengalaman sebenar dan menggunakannya untuk membina konsep supaya mereka lebih dapat memahami dunia sebenar. Konsep matematik, bahasa, sains dan kreativiti boleh dibina dan ditingkatkan menerusi permainan blok. Apabila bermain, kanak-kanak akan mengalami dan terdedah dengan pelbagai emosi. Bantuan dan sokongan daripada ibu bapa mampu memberikan mereka mengenal emosi sendiri, memahami cara menguruskan emosi, mengenal emosi orang lain, dan menggunakan perbualan untuk melahirkan dan menenangkan emosi.

Membina dan memperbaiki hubungan/interaksi antara ibu bapa dengan kanak-kanak: permainan blok memberikan peluang kepada ibu bapa kekal duduk bersama kanak-kanak serta menunjukkan pertimbangan dan penghormatan ibu bapa kepada anak. Apabila ibu bapa memerhati, berbual, dan respons kepada anak, kualiti hubungan dan interaksi ibu bapa dengan anak akan lebih meningkat.

KESIMPULAN

Pembangunan kecerdasan emosi kanak-kanak yang sihat sangat penting untuk perkembangan peribadi kanak-kanak secara menyeluruh. Kecerdasan emosi menentukan keupayaan kanak-kanak membina estimasi sendiri dan efikasi sendiri supaya dapat menyesuaikan dirinya dalam persekitaran agar dapat diterima dan dihargai. Pembangunan kecerdasan emosi dan sosial kanak-kanak tanpa mengira ketidakupayaan sangat dipengaruhi oleh didikan dan dorongan ibu bapa. Sejauh mana kejayaan didikan ibu bapa adalah bergantung kepada sejauh mana penglibatan ibu bapa dalam menyediakan kanak-kanak

pembangunan sosioemosi yang sihat. Penglibatan ibu bapa dalam intervensi dan aktiviti permainan bersama kanak-kanak prasekolah adalah signifikan dengan perkembangan sosio emosi dan bahasa kanak-kanak. Intervensi dan aktiviti permainan bersama kanak-kanak memberikan ibu bapa strategi-strategi berkesan untuk menggalakkan tingkah laku sesuai dan menghapuskan tingkah laku negatif kanak-kanak, serta menambah ilmu keibubapaan. Justeru, ibu bapa harus lebih bersikap prihatin terhadap penyertaan mereka dalam setiap tindakan dan aktiviti kanak-kanak kerana hasil anak adalah ditentukan oleh keberkesanan penglibatan ibu bapa.

RUJUKAN

- Barbarin, O. A. 2002. The view from research: culture and ethnicity in social, emotional, and academic development. *The Kaufmann Early Education Exchange* 1: 45-61.
- Beard, K. Y. & Sugai, G. 2004. First step to success: An early intervention for elementary children at risk for antisocial behavior. *Behavioral Disorders* 29(4): 396-409.
- Boyd, J., Barnett, W. S., Bondrova, E., Leong, D. J. & Gomby, D. 2005. Promoting children's social and emotional development through preschool education. Dlm. *National Institute for Early Education Research*. (atas talian). <http://nieer.org/resources/policyreports/>.
- Delaney, E. M., & Kaiser, A. P. 2001. The effects of teaching parents blended communication and behavior support strategies. *Behavioral Disorders* 26 (2): 93-116.
- Epstein, J. L. 2001. School, family, and community partnership: Preparing educators and improving schools. Westview: Boulder Co.
- Epstein, J. L. 1992. School and family partnership. Dlm. *Encyclopedia of Educational Research* 6th edition, disunting oleh Aiken, M. New York: Macmillan.
- Goleman, D. 1999. *Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Hoover-Dempsey, K.V. & Sandler, H.M. 1997. Why do parents become involved in their academic children's education. *Review of Educational Research* 67: 3-42.
- Ireson, J. 2008. Exploring connections between individual and culture at home and at school. In Ireson, J. (ed.). *Learners, Learning, and Educational Activity*. New York: Routledge.
- Klein, L. 2002. Set for success: Building a strong foundation for school readiness based on the social emotional development of young children. *The Kaufmann Early Education Exchange* 1: 1-5.
- Lien-Thorne, S. & Kamps, D. 2005. Replication study of the first step to success early intervention program. *Behavioral Disorders* 31(1): 18-32.
- McFarlane, E., Dodge, R.A.B., Burrell, L., Crowne, S., Cheng, T.L. & Duggan, A.K. 2010. The importance of early parenting in at risk families and children's social emotional adaptation to school. *Academic Pediatrics* 10(5): 330-337.
- Maxwell, K.L., Bryant, D., Ridley, S. & Keyes-Elstein, L. 2001. *North Carolina's Kindergartens and Schools*. North Carolina: Frank Porter Graham Child Development Center.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 (RMK 9)*.
- Masitah Taib, Zalizan Jelas & Manisah. 2009. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas. Dlm. *Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan*, disunting oleh Zalizan Jelas. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Masitah Taib. 2009. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Tesis Doktor Falsafah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Azhar Abd Hamid. 2005. *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Sdn. Bhd.
- Mayer, J. D., Caruso, D. R. & Salovey, P. 1999. *Emotional Intelligence Meets Traditional Standards for an Intelligence*. (atas talian). <http://www.eqi.org>.
- Noriah, M. I., Syed Najmuddin, S. H. & Syafrimen. 2004. Guru dan kepintaran emosi: Implikasi ke atas kebolehan guru dalam menangani masalah sosial pelajar. Prosiding Seminar Kebangsaan ke-3 Psikologi dan Masyarakat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shumow, L. & Miller, J. D. 2001. Parents at home and at school academic involvement with young adolescent. *Journal of Early Adolescence* 21: 68-91.
- Tamis-LeMonda, C. S., Borstein, M. H. & Baumwell, L. 2001. Maternal responsiveness and children achievement of language milestone. *Child Development* 72: 748-767
- Wissbrun, D. & Eckart, J.A. 1992. Hierarchy of parental involvement in school. In *Educational and the Family*, edited by Kaplan, I. Boston: Allyn & Bacon.
- Yen, C. L. 2010. Improving parent-child relationships through block play. *Education* 130(3): 461-469.

Shahida Hassim
 Chua Chu Tee
 Rosadah Abdul Majid
 Zalizan Mohd Jelas
 Hamizatun Akmal Md Yusof
 Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
 E-mel: rosadah@ukm.my